



JURNAL LINGUISTIK Vol. 23 (1) Jun 2019 (070-101)

Golongan Kata Kerja: Korelasi antara Kecekapan Tatabahasa dengan Kecekapan Pragmatik dalam Kalangan Remaja Malaysia

¹Khairul Taufiq Abu Bakar, ²Nor Hashimah Jalaluddin & ³Fazal Mohamed Mohamed Sultan
¹taufiq_urasmi@yahoo.com.my; ²shimah@ukm.edu.my; ³fazal@ukm.edu.my

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Diterima : 26 April 2019
Received
Diterima untuk diterbitkan : 13 Jun 2019
Accepted
Diterbitkan dalam talian : 30 Jun 2019
Published online

Abstrak

Kajian ini dilakukan dengan tujuan utama untuk melihat korelasi antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik yang berasaskan aspek golongan kata kerja dalam kalangan remaja Malaysia. Remaja Malaysia yang dimaksudkan terdiri daripada para pelajar tingkatan enam dari dua buah sekolah dengan masing-masing mewakili kawasan bandar dan luar bandar yang terletak di daerah Kluang, Johor. Data kajian yang dianalisis melibatkan data kuantitatif yang diperoleh melalui borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil daripada analisis korelasi Pearson yang telah dilakukan jelas menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi yang signifikan antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik yang berasaskan aspek golongan kata kerja dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Secara keseluruhannya, keadaan ini jelas menunjukkan bahawa huraian tentang aspek golongan kata kerja seperti yang dikemukakan dalam *Tatabahasa Dewan* sememangnya masih belum mapan atau mantap sepenuhnya. Oleh itu, sudah tiba masanya untuk *Tatabahasa Dewan* mengalami transformasi dengan cara memperbaiki huraian tentang aspek golongan kata kerja dengan melibatkan contoh-contoh penggunaan kata kerja yang boleh mendukung maksud tersirat.

Kata kunci: kecekapan tatabahasa, kecekapan pragmatik, golongan kata kerja, korelasi, remaja

Verb Classes: Correlations between Grammar Competencies and Pragmatic Competencies among Malaysian Teenagers

Abstract

This study was carried out with the main purpose of looking at the correlation between the level of grammar competence and the level of pragmatic competence based on the aspect in Malay verbs among the Malaysian teenagers. Malaysian teenagers are comprised of form six students from two schools with each representing urban and rural areas located in Kluang district, Johor. The data were analyzed using the quantitative data obtained through the questionnaires used as the research instrument. The results from the Pearson correlation analysis have shown that there is no significant correlation between the level of grammar competence and the pragmatic competence level based on aspect in Malay verbs among form six students. Overall, this situation clearly shows that the description of the aspect in Malay verbs as stated in the Tatabahasa Dewan has not been fully established. Therefore, it is time for the Tatabahasa Dewan to undergo a transformation by improving the description of the aspect in Malay verbs by involving examples of verbs that can support implicit intent.

Keywords: grammatical competence, pragmatic competence, aspect in Malay verbs, correlation, teenagers

1. Pengenalan

Terlebih dahulu, pengkaji ingin memetik semula kenyataan yang pernah dikemukakan oleh Nik Safiah Karim *et al.* (2015) tentang buku *Tatabahasa Dewan* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Nik Safiah Karim *et al.* (2015) menyatakan bahawa usia *Tatabahasa Dewan*, sejak pertama kali diterbitkan pada tahun 1986 sebagai *Jilid 1: Ayat* hingga edisi terakhir, iaitu *Edisi Ketiga* pada tahun 2008 bersamaan dengan 22 tahun. Perlu diterangkan bahawa *Tatabahasa Dewan* disediakan sebagai sebuah buku “tatabahasa pegangan”. Sementara itu, “tatabahasa pegangan” pula merujuk kepada sebuah buku yang mengandungi rumus-rumus dan peraturan-peraturan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul yang disetujui bersama. Seterusnya, oleh sebab statusnya sebagai buku “tatabahasa pegangan” itulah, maka *Tatabahasa Dewan* boleh dijadikan sebagai pedoman untuk kegunaan seluruh masyarakat terutamanya di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian dan untuk pengajaran tatabahasa bahasa Melayu itu sendiri.

Ironinya, walaupun *Tatabahasa Dewan* sudah pun diangkat statusnya sebagai buku “tatabahasa pegangan” (dengan kelebihan yang ada pada statusnya itu, *Tatabahasa Dewan* boleh dijadikan sebagai pedoman untuk kegunaan seluruh masyarakat), namun pengkaji mendapati bahawa huraian tentang aspek golongan kata kerja ternyata masih boleh dipersoalkan dari segi kemapanannya atau kemantapannya. Hal ini dikatakan demikian kerana *Tatabahasa Dewan* didapati tidak menghuraikan contoh-contoh penggunaan kata kerja yang boleh mendukung makna tersirat. Dalam erti kata yang mudah, *Tatabahasa Dewan* didapati hanya menghuraikan contoh-contoh penggunaan kata kerja yang mendukung makna tersurat. Sebaliknya, keadaan ini ternyata berbeza dengan aspek golongan kata nama dan aspek golongan kata adjektif. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji mendapati bahawa *Tatabahasa Dewan* ada menghuraikan contoh-contoh penggunaan kata nama dan contoh-contoh penggunaan kata adjektif yang boleh mendukung makna tersirat. Oleh hal yang demikian, keadaan ini sememangnya menuntut usaha penilaian supaya dilakukan terhadap huraian tentang aspek golongan kata kerja seperti yang terkandung dalam *Tatabahasa Dewan* itu sendiri. Apa yang pasti, kenyataan pengkaji ternyata boleh disokong menerusi kenyataan yang pernah dikemukakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin *et al.* (2004) yang didapati pernah mencadangkan bahawa buku “tatabahasa pegangan” supaya disemak semula. Mereka menyatakan bahawa sebarang usaha untuk menyemak semula buku “tatabahasa pegangan” sememangnya perlu diberi perhatian yang serius. Hal ini dikatakan demikian kerana buku “tatabahasa pegangan” sudah pun berusia 18 tahun (tempoh pengiraan adalah dari tahun 1986 hingga tahun kenyataan ini dikemukakan, iaitu pada tahun 2004). Oleh itu, menurut mereka lagi, mana-mana bahagian yang boleh dikemas kini adalah baik dan wajar untuk diketengahkan. Usaha ini juga adalah demi kebaikan para pelajar kita sendiri.

Sehubungan dengan itu, usaha penilaian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah dengan cara menguji, mengukur, dan menilai tahap kecekapan tatabahasa dan tahap kecekapan pragmatik yang berasaskan aspek golongan kata kerja. Usaha menguji, mengukur, dan menilai tahap kecekapan tatabahasa dan tahap kecekapan pragmatik yang berasaskan aspek golongan kata kerja ini akan melibatkan para pelajar tingkatan enam sebagai responden kajian. Hal ini bertujuan untuk melihat kemampuan kecekapan tatabahasa mereka yang berkaitan dengan aspek golongan kata kerja dalam mempengaruhi kecekapan pragmatik mereka sendiri yang juga berkaitan dengan aspek golongan kata kerja. Dalam erti kata yang mudah, usaha ini dilakukan bertujuan untuk melihat sama ada aspek golongan kata kerja yang diuraikan oleh *Tatabahasa Dewan* yang hanya memfokuskan contoh-contoh penggunaannya berdasarkan konteks makna tersurat semata-mata sudah memadai dalam membantu responden kajian untuk membina ayat dengan menggunakan 25 kata kerja (seperti kata kerja *berkhutbah*, kata kerja *bergetah*, kata kerja *bermuka-muka*, kata kerja *menjeruk*, kata kerja *menabur*, dan kata kerja *menongkat*) yang terbukti boleh juga mendukung makna tersirat. Oleh itu, korelasi antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik mereka yang berasaskan aspek golongan kata kerja pun akan dapat dianalisis dan seterusnya akan dapat diketahui. Akhirnya, berdasarkan hasil daripada analisis korelasi yang diperoleh, kemapanan atau kemantapan

huraian tentang aspek golongan kata kerja seperti yang terkandung dalam *Tatabahasa Dewan* pun akan dapat dinilai secara keseluruhannya.

2. Batasan Kajian

Pengkaji ingin menegaskan di sini bahawa soalan-soalan yang terkandung dalam borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian yang merujuk kepada Bahagian B (Ujian Kecekapan Tatabahasa dan Kecekapan Pragmatik) terdiri daripada soalan-soalan yang dihasilkan yang hanya berasaskan dan terbatas kepada aspek golongan kata kerja semata-mata. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin menyentuh perbincangan mengenai kewajaran-kewajaran usaha pengujian, pengukuran, dan penilaian tahap penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia yang hanya berasaskan dan terbatas kepada aspek golongan kata kerja semata-mata. Terlebih dahulu, pengkaji ingin menyentuh kewajaran yang pertama. Pada dasarnya, kajian ini merupakan kesinambungan daripada kajian lepas yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin & Julaina Nopiah (2011). Salah satu soalan yang perlu dijawab oleh responden kajian dalam kajian mereka ialah soalan yang menghendaki responden kajian untuk membina ayat dengan menggunakan kata kerja *bermuka-muka* berdasarkan konteks makna tersirat sahaja. Apa yang menariknya di sini, oleh sebab terdapat sesetengah kata kerja seperti kata kerja *bermuka-muka* itu sendiri yang didapati boleh mendukung dua bentuk makna (makna tersurat dan makna tersirat) secara sekali gus, maka pengkaji berpendirian bahawa korelasi antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan remaja Malaysia diyakini dapat dianalisis dan diketahui dengan lebih mudah. Hal ini bermakna pengkaji tidak perlu untuk memilih aspek-aspek tatabahasa (yang boleh melibatkan mana-mana aspek tatabahasa seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata tugas, frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, frasa sendi nama, ayat tunggal, ayat penyata, ayat tanya, dan ayat majmuk) dan aspek-aspek pragmatik (yang boleh melibatkan mana-mana aspek pragmatik seperti lakuan bahasa atau *speech acts*, kesantunan berbahasa atau sistem panggilan hormat, pepatah, perumpamaan, dan bidalan) yang berbeza untuk menguji, mengukur, dan menilai tahap kecekapan tatabahasa dan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan responden kajian.

Sebenarnya, setiap pengkaji mempunyai kebebasan mutlak untuk memilih mana-mana aspek tatabahasa dan mana-mana aspek pragmatik yang difikirkan sesuai untuk dijadikan sebagai soalan-soalan yang perlu dijawab oleh responden kajian dalam usaha untuk mengumpulkan data kajian. Dalam erti kata yang mudah, tiada ketetapan khusus yang mesti atau wajib dipatuhi dalam usaha untuk mengemukakan soalan-soalan yang perlu dijawab oleh responden kajian. Oleh sebab itulah, pengkaji berpendirian untuk memilih dan membataskan skop kajian hanya kepada aspek golongan kata kerja semata-mata. Hal ini dikatakan demikian kerana buku “tatabahasa pegangan”, iaitu *Tatabahasa Dewan* menghuraikan aspek golongan kata kerja hanya berdasarkan konteks makna tersurat atau secara semantik semata-mata. Hakikatnya, walaupun secara umumnya fokus yang diberikan kepada aspek golongan kata kerja (bidang ilmu morfologi) memperlihatkan skop kajian yang agak sempit, namun sekiranya diteliti dan diamati dengan lebih mendalam, keperluan untuk menjawab kesemua soalan yang dikemukakan dalam Bahagian B (Ujian Kecekapan Tatabahasa dan Kecekapan Pragmatik) sebenarnya tetap menuntut adanya pengaplikasian bentuk-bentuk pengetahuan yang lain. Bentuk-bentuk pengetahuan yang lain yang dimaksudkan oleh pengkaji terdiri daripada bentuk-bentuk pengetahuan yang berkaitan dengan bidang ilmu sintaksis, bidang ilmu semantik, dan bidang ilmu pragmatik. Dalam erti kata yang mudah, responden kajian bukan hanya memerlukan maklumat linguistik (morfologi, sintaksis, dan semantik) dalam usaha untuk menjawab setiap soalan yang dikemukakan, bahkan pada masa yang sama, mereka juga turut memerlukan maklumat bukan linguistik (pragmatik).

Perbincangan diteruskan pula dengan menjelaskan perihal kewajaran yang kedua. Sekiranya dijana melalui sistem korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sekali pun, maka akan didapati bahawa contoh-contoh bentuk kata kerja seperti *berkubang* terutamanya bagi yang mendukung makna tersirat (*Dadanya tempat iblis berkubang*) berkemungkinan tiada atau berkemungkinan juga rendah kekerapan atau frekuensi penggunaannya berbanding lawan masing-masing yang mendukung makna tersurat (*Lima ekor kerbau sedang berkubang*). Walau bagaimanapun, kewujudannya sememangnya

tidak boleh dinafikan dan dikesampingkan sama sekali. Oleh sebab itulah, pengkaji perlu mendapatkan data kajian dari lapangan tanpa menggunakan data kajian yang dijana daripada pangkalan data korpus berkomputer. Hakikatnya, situasi sebegini juga didapati turut berlaku dalam bahasa Inggeris dan kenyataan pengkaji ternyata boleh disokong menerusi kenyataan yang pernah dikemukakan oleh Andreas Langlotz (2006).

Although corpora such as the BNC undoubtedly valuable insights into the actual use of idiomatic constructions, they have their limitations, too. Quantitative corpus analyses show that idioms occur relatively infrequently in both spoken and written communication.

Andreas Langlotz (2006: 226)

Selanjutnya ialah perbincangan mengenai kewajaran yang ketiga. Bentuk-bentuk kata kerja yang boleh juga wujud sebagai bahasa kiasan seperti *menjeruk* (rasa) dalam konteks bahasa Melayu boleh dikategorikan sebagai kiasan melarat. Menurut Goay Teck Chong & Choo Say Tee (2003), kiasan melarat merujuk kepada kiasan daripada perkataan yang sudah pun menyimpang jauh daripada maksud asal perkataan itu sendiri. Di samping itu, bentuk-bentuk kata kerja yang boleh juga wujud sebagai bahasa kiasan seperti *menjeruk* (rasa) ini ternyata boleh juga dikategorikan sebagai *grammatical idioms* berpanduan huraian yang pernah dikemukakan oleh Charles J. Fillmore *et al.* (1988). Menurut William Croft & D. Alan Cruse (2004), penentuan jenis-jenis idiom bahasa Inggeris seperti yang pernah dikemukakan oleh Charles J. Fillmore *et al.* (1988) terdiri daripada *grammatical idioms* dan *extragrammatical idioms*. Mana-mana idiom bahasa Inggeris yang tergolong sebagai *grammatical idioms* sememangnya didapati masih mematuhi peraturan-peraturan umum sintaksis bahasa Inggeris tetapi sebaliknya, masing-masing didapati tidak mematuhi peraturan-peraturan umum semantik bahasa Inggeris itu sendiri. Antara contoh idiom bahasa Inggeris yang boleh tergolong sebagai *grammatical idioms* adalah seperti *kick the bucket*, *spill the beans*, dan *(X) blows X's nose*. Apa yang pasti, dapat dilihat dengan jelas bahawa ketiga-tiga contoh idiom tersebut sememangnya terbukti masih mematuhi peraturan-peraturan umum sintaksis bahasa Inggeris yang jelas menunjukkan bahawa objek langsung (*direct objects*) sememangnya hadir selepas kata kerja transitif (*transitive verbs*). Sementara itu, kehadiran huruf -s selepas tanda koma atas (*apostrophe*) yang terdapat pada idiom *(X) blows X's nose* pula ternyata masih betul seperti yang telah ditetapkan oleh sistem tatabahasa bahasa Inggeris yang berfungsi untuk menunjukkan unsur genitif milik (*possessive genitive*). Jenis yang satu lagi, iaitu *extragrammatical idioms* pula merujuk kepada mana-mana idiom bahasa Inggeris yang tidak mematuhi peraturan-peraturan umum sintaksis bahasa Inggeris. Antara contoh idiom bahasa Inggeris yang boleh tergolong sebagai *extragrammatical idioms* seperti yang pernah dikemukakan oleh Charles J. Fillmore *et al.*, iaitu *first off*, *sight unseen*, *all of a sudden*, *by and large*, dan *so far so good*.

Berdasarkan kewajaran yang ketiga seperti yang telah dikemukakan di atas ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa di negara Barat sendiri, kajian yang berkaitan dengan bahasa kiasan atau idiom berdasarkan ruang lingkup atau kerangka tatabahasa bahasa Inggeris (bukan kajian penguasaan bahasa kerana tidak melibatkan responden kajian) sememangnya sudah sekian lama mendapat perhatian dalam kalangan ahli linguistik mereka. Antara ahli linguistik dari Barat yang pernah mengkaji perihal bahasa kiasan atau idiom berdasarkan ruang lingkup atau kerangka tatabahasa bahasa Inggeris adalah seperti Bruce Fraser (1970) menerusi kajiannya yang bertajuk *Idioms within a Transformational Grammar*, Charles J. Fillmore *et al.* (1988) menerusi kajian mereka yang bertajuk *Regularity and Idiomaticity in Grammatical Constructions: The Case of Let Alone*, Andreas Wagner & Mattia Mastropietro (1996) menerusi kajian mereka yang bertajuk *Collecting and Employing Selectional Restrictions*, William O' Grady (1998) menerusi kajiannya yang bertajuk *The Syntax of Idioms*, dan Jan-Philipp Soehn (2005) menerusi kajiannya yang bertajuk *Selectional Restrictions in HPSG: I'll Eat My Hat!*. Hakikatnya, bukti-bukti inilah yang telah mendorong pengkaji untuk membuat penilaian terhadap kemapanan atau kemantapan huraian tentang aspek golongan kata kerja seperti yang terkandung dalam buku "tatabahasa pegangan", iaitu *Tatabahasa Dewan*.

Kewajaran yang terakhir, iaitu kewajaran yang keempat. Berbeza dengan aspek golongan kata nama dan aspek golongan kata adjektif, pengkaji mendapati bahawa dalam *Tatabahasa Dewan*, huraian tentang aspek golongan kata kerja yang melibatkan contoh-contoh penggunaan kata kerja yang boleh mendukung makna tersirat ternyata masih belum dikemukakan. Pengkaji mendapati bahawa salah satu jenis kata nama yang boleh mendukung makna tersirat yang ada dikemukakan dalam *Tatabahasa Dewan* ialah kata nama majmuk yang mendukung maksud kiasan yang merujuk kepada simpulan bahasa. Antara contoh bentuk kata nama majmuk yang mendukung maksud kiasan yang ada dikemukakan dalam *Tatabahasa Dewan* adalah seperti *cakar ayam*, *lipas kudung*, *ringan tulang*, *buku lima*, *pilih kasih*, *anak emas*, *bulan madu*, *manis mulut*, *tumbuk rusuk*, dan *berat tangan*. Sementara itu, salah satu jenis kata adjektif yang boleh mendukung makna tersirat yang ada dikemukakan dalam *Tatabahasa Dewan* pula ialah kata adjektif majmuk yang mendukung maksud kiasan yang juga merujuk kepada simpulan bahasa. Antara contoh bentuk kata adjektif majmuk yang mendukung maksud kiasan yang ada dikemukakan dalam *Tatabahasa Dewan* adalah seperti *panjang tangan*, *besar kepala*, *ringan tulang*, dan *rabun ayam*. Akan tetapi, sekiranya diteliti dengan lebih mendalam, dapat dilihat dengan jelas bahawa setiap contoh kata nama majmuk yang mendukung maksud kiasan dan juga setiap contoh kata adjektif majmuk yang mendukung maksud kiasan yang dikemukakan dalam *Tatabahasa Dewan* ternyata dapat ditelaah atau diramalkan dengan mudah kerana masing-masing sememangnya hanya boleh hadir atau digunakan dalam binaan ayat yang menunjukkan maksud tersirat. Hal ini boleh dibuktikan menerusi contoh-contoh binaan ayat seperti yang berikut:

Subjek	Predikat
Aminah	ringan tulang.
Faizul	anak emas.
Najib	panjang tangan.
Halim	rabun ayam.

Sebaliknya, hal ini ternyata berbeza dengan setiap contoh kata kerja yang dijadikan sebagai soalan dalam kajian ini seperti kata kerja *berkhutbah* dan kata kerja *menjeruk*. Apa yang pasti, setiap kata kerja yang dijadikan sebagai soalan dalam borang selidik bukan sahaja boleh digunakan dalam binaan ayat yang menunjukkan maksud tersurat, bahkan pada masa yang sama, setiap contoh kata kerja tersebut juga boleh digunakan dalam binaan ayat yang menunjukkan maksud tersirat. Hal ini boleh dibuktikan menerusi contoh-contoh binaan ayat seperti yang berikut:

Subjek	Predikat
Khatib	sedang berkhutbah di atas mimbar masjid.
Emak	sedang berkhutbah di dapur.
Emak	ingin menjeruk petai pada malam ini.
Nur	masih menjeruk rasa dengan sindiran ibu mentuanya.

Oleh hal yang demikian, dapat dinyatakan di sini bahawa pembatasan hanya kepada aspek golongan kata kerja semata-mata sememangnya diyakini mampu memperlihatkan korelasi antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan remaja Malaysia. Seterusnya, korelasi antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan remaja Malaysia yang sudah pun diketahui pula diyakini mampu memperlihatkan tahap kemapanan atau kemantapan yang sebenar huraian tentang aspek golongan kata kerja yang dikemukakan oleh buku “tatabahasa pegangan”, iaitu *Tatabahasa Dewan*.

2.2 Hipotesis Kajian

Walaupun tujuan utama kajian ini dilakukan sebenarnya untuk melihat korelasi (kajian korelasi) antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik, namun pada masa yang sama, kajian ini juga dilakukan dengan tujuan untuk melihat perbezaan (kajian perbandingan punca) tahap

pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik), tahap kecekapan tatabahasa, dan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan pelajar tingkatan enam yang terlibat sebagai responden kajian berdasarkan tiga faktor utama, iaitu lokasi sekolah (luar bandar dan bandar), jantina (lelaki dan perempuan), dan bangsa (Melayu dan bukan Melayu). Sehubungan dengan itu, bagi menjelaskan hubungan antara setiap pemboleh ubah kajian, maka di bawah ini disenaraikan hipotesis kajian yang telah dibina dan seterusnya akan diuji.

- H_0^1 Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar dengan skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar.
- H_0^2 Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar lelaki dengan skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar perempuan.
- H_0^3 Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar Melayu dengan skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar bukan Melayu.
- H_0^4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor kecekapan tatabahasa dengan skor kecekapan pragmatik dalam kalangan pelajar tingkatan enam.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Pada dasarnya, pendekatan kuantitatif merupakan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Othman Talib (2013), pendekatan kuantitatif merujuk kepada penggunaan pengukuran secara objektif untuk menghasilkan data berbentuk angka yang lazimnya dianalisis dengan menggunakan statistik. Pendekatan kuantitatif menekankan pengukuran dan pencarian hubungan atau perkaitan antara pemboleh-pemboleh ubah kajian. Pendekatan kuantitatif dipilih untuk digunakan dalam kajian ini memandangkan pengkaji ingin membandingkan kumpulan (lokasi bandar dengan lokasi luar bandar, jantina lelaki dengan jantina perempuan, dan bangsa Melayu dengan bangsa bukan Melayu) dan mengetahui kekuatan hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah kajian (korelasi antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik). Dapat dinyatakan di sini bahawa oleh sebab pengkaji memerlukan data berbentuk angka, maka pengkaji sememangnya perlu menggunakan pendekatan kuantitatif dalam kajian ini. Oleh itu, data kajian yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan perisian komputer yang dikenali sebagai *IBM SPSS Statistics*.

3.2 Sampel Kajian

Secara keseluruhannya, seramai 96 remaja Malaysia telah terlibat sebagai responden kajian dalam kajian ini. Mereka semua adalah dari dua buah sekolah menengah harian biasa yang ada menawarkan pengajian pada peringkat tingkatan enam yang terletak di dalam daerah Kluang, Johor dengan masing-masing mewakili dua buah lokasi yang berbeza, iaitu lokasi bandar dan lokasi luar bandar. Apa yang pasti, remaja Malaysia yang dimaksudkan terdiri daripada para pelajar tingkatan enam rendah (turut melibatkan para pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran elektif) dan para pelajar tingkatan enam atas (tidak melibatkan para pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran elektif) dengan masing-masing berumur 18 tahun dan 19 tahun. Di sini, pengkaji ingin menegaskan bahawa kajian ini tidak melibatkan para pelajar tingkatan enam atas yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran elektif kerana mereka didapati mempunyai pengalaman tambahan. Pengalaman tambahan yang dimaksudkan oleh pengkaji ternyata boleh dikaitkan dengan tempoh setahun setengah yang sudah pun dilalui oleh para pelajar tingkatan enam atas yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai

mata pelajaran elektif yang jelas menunjukkan bahawa mereka sudah pun mempelajari perihal bidang morfologi, bidang sintaksis, bidang semantik, dan bidang pragmatik dengan lebih mendalam lagi. Dalam erti kata yang mudah, dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya ingin memanipulasikan faktor 11 tahun pengalaman mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu secara formal yang sudah pun dilalui oleh para pelajar tingkatan enam yang terlibat sebagai responden kajian, iaitu sejak tahun satu hinggalah tingkatan lima dengan mata pelajaran Bahasa Melayu itu sendiri merupakan mata pelajaran teras yang wajib diambil dan pada masa yang sama merupakan mata pelajaran wajib lulus. Hakikatnya, tempoh pengalaman dan pendedahan ini menurut Zaliza Mohamad Nasir *et al.* (2013) juga mampu mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu para pelajar. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa sememangnya wajar sekiranya tahap kecekapan tatabahasa dan tahap kecekapan pragmatik mereka diuji, diukur, dan dinilai secara sekali gus.

Di samping itu, pengkaji juga ingin menegaskan di sini bahawa kewajaran utama pemilihan remaja Malaysia dalam kalangan pelajar tingkatan enam sebagai responden kajian dalam kajian ini disebabkan oleh mereka sudah pun melepasi fasa atau peringkat akhir perkembangan kognitif. Hairunnaja Najmuddin (2007) menjelaskan bahawa semasa berada pada fasa atau peringkat usia remaja, individu akan mengalami perubahan yang berlaku secara beransur-ansur dari segi kognitif berbanding pada fasa atau peringkat usia kanak-kanak. Tambah beliau lagi, pada masa yang sama, Piaget sendiri ada menjelaskan bahawa apabila individu memasuki lingkungan usia 11 tahun, maka perkembangan kognitifnya mula memasuki fasa atau peringkat akhir, iaitu tahap pemikiran operasi formal (kanak-kanak mulai mampu berfikir secara logik dan memahami konsep-konsep yang abstrak). Di samping itu, Hairunnaja Najmuddin (2007) juga turut menjelaskan bahawa pada tahap pemikiran operasi formal, kebolehan kognitif individu didapati mampu melebihi tahap pemikiran yang berkaitan dengan perkara-perkara yang konkrit. Individu mulai mampu untuk memahami prinsip-prinsip logik dan memperoleh kefahaman yang abstrak tentang peristiwa-peristiwa konkrit atau abstrak yang dialaminya. Sementara itu, perkembangan yang berlaku dari segi kebolehan kognitif remaja pula membolehkan mereka untuk memikirkan pemikiran itu sendiri, mempelajari tatabahasa yang kompleks, memahami konsep-konsep matematik yang kompleks seperti algebra, kebarangkalian, dan sebagainya, dan kebolehan mengendalikan tugas-tugas mental dengan menggunakan pelbagai bentuk konsep dan fikiran yang kompleks. Sehubungan dengan itu, berdasarkan hujah-hujah yang telah dikemukakan, dapat dinyatakan di sini bahawa pemilihan para pelajar tingkatan enam sebagai responden kajian dalam kajian ini ternyata wajar dan sememangnya menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji sendiri.

3.3 Instrumen Kajian

Dalam usaha untuk mengumpulkan data kajian, kajian ini menggunakan borang soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji sebagai instrumen kajian (lihat lampiran 1). Borang soal selidik tersebut terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A (Demografi) dan Bahagian B (Ujian Kecekapan Tatabahasa dan Kecekapan Pragmatik).

4. Dapatan Kajian

Perbandingan Tahap Pengetahuan Bahasa Melayu (Kecekapan Tatabahasa dan Kecekapan Pragmatik), Tahap Kecekapan Tatabahasa, dan Tahap Kecekapan Pragmatik Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Lokasi Sekolah

Faktor pertama yang akan dianalisis ialah faktor lokasi sekolah. Pada dasarnya, pemilihan faktor lokasi sekolah sebagai salah satu pemboleh ubah kajian atau lebih spesifik lagi, iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini disebabkan oleh terdapat sesetengah pengkaji lepas (Awang Mohamad Amin 1990; Nurul Aisyah Abdullah *et al.* 2016) yang telah membuktikan bahawa lokasi sekolah sememangnya mampu mempengaruhi tahap pencapaian para pelajar sekolah. Menerusi kajian yang dilakukannya, Awang Mohamad Amin (1990) mendapati bahawa sememangnya terdapat perbezaan yang signifikan apabila dibandingkan tahap pencapaian penguasaan bahasa Melayu para pelajar dari sekolah yang terletak di kawasan bandar dengan tahap pencapaian penguasaan bahasa

Melayu para pelajar dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar. Perbezaan yang dimaksudkan merujuk kepada tahap pencapaian penguasaan bahasa Melayu para pelajar dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar didapati lebih baik berbanding tahap pencapaian penguasaan bahasa Melayu para pelajar dari sekolah yang terletak di kawasan bandar. Oleh sebab itulah, pengkaji juga turut berminat untuk memfokuskan usaha untuk mengkaji kesan faktor lokasi sekolah terhadap tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik), tahap kecekapan tatabahasa, dan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan pelajar tingkatan enam yang terlibat sebagai responden kajian dalam kajian ini.

Perbandingan Tahap Pengetahuan Bahasa Melayu (Kecekapan Tatabahasa dan Kecekapan Pragmatik) Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Lokasi Sekolah

Untuk mendapatkan perbezaan tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) dalam kalangan pelajar tingkatan enam berdasarkan faktor lokasi sekolah, satu hipotesis kajian sudah pun dibina dan pada masa yang sama sudah pun diuji. Oleh itu, keputusan ujian-t yang sudah pun diperoleh adalah seperti yang berikut:

Jadual 1 Keputusan ujian-t						
	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Bandar	51	26.382	12.2758	94	-3.043	.003
Luar Bandar	45	33.956	12.0486			

* Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 1 seperti yang dipaparkan di atas ini, keputusan ujian-t yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa min skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar ialah 26.382, manakala min skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar pula ialah 33.956 dengan $t(94) = -3.043$, $p < .05$. Apa yang pasti, oleh sebab keputusan ujian-t ini yang jelas menunjukkan bahawa nilai signifikan yang dicerap ternyata kurang daripada .05 ($p = .003 < .05$), maka hipotesis nol pun terpaksa ditolak. Sehubungan dengan itu, keadaan ini membawa maksud bahawa terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar dengan skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar. Di samping itu, didapati juga bahawa min skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar (34.0 peratus) adalah lebih baik daripada min skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar (26.4 peratus).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian seperti yang terkandung di dalam Jadual 2 di atas ini sebenarnya diperoleh memandangkan tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar dan tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar yang berasaskan aspek golongan kata kerja ini dianalisis secara sekali gus. Sebaliknya, sekiranya tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar dan luar bandar yang berasaskan aspek golongan kata kerja ini dianalisis

secara terpisah, maka pengkaji menjangkakan bahawa dapatan kajian yang agak berbeza berkemungkinan besar akan diperoleh.

Perbandingan Tahap Kecekapan Tatabahasa Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Lokasi Sekolah

Untuk mendapatkan perbezaan tahap kecekapan tatabahasa dalam kalangan pelajar tingkatan enam berdasarkan faktor lokasi sekolah, satu hipotesis kajian sudah pun dibina dan pada masa yang sama sudah pun diuji. Oleh itu, keputusan ujian-t yang sudah pun diperoleh adalah seperti yang berikut:

Jadual 2 Keputusan ujian-t						
	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Bandar	51	39.510	18.1971	94	-2.997	.003
Luar Bandar	45	50.844	18.8257			

* Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 2 seperti yang dipaparkan di atas ini, keputusan ujian-t yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa min skor kecekapan tatabahasa para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar ialah 39.510, manakala min skor kecekapan tatabahasa para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar pula ialah 50.844 dengan $t(94) = -2.997$, $p < .05$. Apa yang pasti, oleh sebab keputusan ujian-t ini yang jelas menunjukkan bahawa nilai signifikan yang dicerap ternyata kurang daripada .05 ($p = .003 < .05$), maka hipotesis nol pun terpaksa ditolak. Sehubungan dengan itu, keadaan ini membawa maksud bahawa terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor kecekapan tatabahasa para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar dengan skor kecekapan tatabahasa para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar. Di samping itu, didapati juga bahawa min skor kecekapan tatabahasa para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar (50.8 peratus) (39.5 peratus) adalah lebih baik daripada min skor kecekapan tatabahasa para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar (39.5 peratus).

Perbandingan Tahap Kecekapan Pragmatik Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Lokasi Sekolah

Untuk mendapatkan perbezaan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan pelajar tingkatan enam berdasarkan faktor lokasi sekolah, satu hipotesis kajian sudah pun dibina dan pada masa yang sama sudah pun diuji. Oleh itu, keputusan ujian-t yang sudah pun diperoleh adalah seperti yang berikut:

Jadual 3 Keputusan ujian-t						
	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Bandar	51	13.255	14.3664	94	-1.276	.205
Luar Bandar	46	17.067	14.8789			

* Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 3 seperti yang dipaparkan di atas ini, keputusan ujian-t yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa min skor kecekapan pragmatik para pelajar tingkatan enam dari sekolah

yang terletak di kawasan bandar ialah 13.255, manakala min skor kecekapan pragmatik para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar pula ialah 17.067 dengan $t(94) = -1.276$, $p > .05$. Apa yang pasti, oleh sebab keputusan ujian-t ini yang jelas menunjukkan bahawa nilai signifikan yang dicerap ternyata lebih daripada .05 ($p = .205 > .05$), maka hipotesis nol pun boleh diterima. Sehubungan dengan itu, keadaan ini membawa maksud bahawa tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor kecekapan pragmatik para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar dengan skor kecekapan pragmatik para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar. Di samping itu, didapati juga bahawa min skor kecekapan pragmatik para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar (17.1 peratus) adalah lebih baik daripada min skor kecekapan pragmatik para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar (13.3 peratus).

Rumusan Pengaruh Faktor Lokasi Sekolah

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan di sini bahawa sememangnya terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar dengan tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar yang berasaskan aspek golongan kata kerja. Dapatan kajian ini ternyata sejajar dengan dapatan kajian daripada kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh Awang Mohamad Amin (1990) dan Nurul Aisyah Abdullah *et al.* (2016). Walau bagaimanapun, apabila penganalisan yang lebih mendalam dilakukan (tahap kecekapan tatabahasa dan tahap kecekapan pragmatik dianalisis secara terpisah), maka hasilnya jelas menunjukkan bahawa perbezaan tersebut disebabkan oleh perbezaan dari aspek tahap kecekapan tatabahasa. Hakikatnya, walaupun tahap kecekapan pragmatik juga turut menunjukkan adanya perbezaan tetapi keputusan ujian-t telah membuktikan perbezaan tersebut sebagai tidak signifikan. Dengan keputusan tersebut, dapat juga disimpulkan bahawa secara keseluruhannya, mutu penguasaan bahasa Melayu para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan luar bandar adalah lebih baik berbanding mutu penguasaan bahasa Melayu para pelajar tingkatan enam dari sekolah yang terletak di kawasan bandar.

Perbandingan Tahap Pengetahuan Bahasa Melayu (Kecekapan Tatabahasa dan Kecekapan Pragmatik), Tahap Kecekapan Tatabahasa, dan Tahap Kecekapan Pragmatik Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Jantina

Selain daripada faktor lokasi sekolah, didapati bahawa faktor jantina juga boleh dijadikan sebagai pemboleh ubah kajian atau lebih spesifik lagi, iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini memandangkannya telah terbukti mampu mempengaruhi tahap pencapaian para pelajar sekolah. Zalizan Mohd. Jelas *et al.* (2005) menyatakan bahawa isu perbezaan berdasarkan jantina dari pelbagai aspek kehidupan sememangnya sudah pun dikaji oleh ramai pengkaji di seluruh pelosok dunia. Dalam konteks pendidikan pula, perbezaan jantina yang berkaitan dengan prestasi sememangnya masih menjadi salah satu isu yang sememangnya menarik untuk dikaji. Beliau juga turut memberi contoh berdasarkan tinjauan yang pernah dilakukan oleh Sutherland yang mendapati bahawa prestasi para pelajar perempuan yang ternyata jauh lebih baik berbanding prestasi para pelajar lelaki sebagai suatu fenomena yang menyeluruh dan terbukti berlaku di kebanyakan negara seperti di Scotland, England, Perancis, Jerman, Jepun, Australia, dan New Zealand. Sebagai contoh, di Jerman sendiri, markah yang dicapai oleh para pelajar perempuan adalah lebih baik berbanding para pelajar lelaki dan kebarangkalian para pelajar perempuan meneruskan pendidikan ke tahap menengah atas adalah lebih tinggi berbanding para pelajar lelaki. Di samping itu, statistik di Australia pula menunjukkan bahawa para pelajar perempuan berada pada kedudukan yang lebih baik berbanding para pelajar lelaki.

Tambah Zalizan Mohd. Jelas *et al.* (2005) lagi, keadaan yang sama juga turut berlaku di Malaysia. Data yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (2000) mengenai keputusan peperiksaan awam dari tahun 1996 hingga 1999 menunjukkan bahawa para pelajar perempuan memperoleh pencapaian atau prestasi yang lebih baik berbanding para pelajar lelaki dalam peperiksaan awam pada peringkat sekolah rendah (UPSR), menengah rendah (PMR), dan menengah

(SPM) dalam kebanyakan mata pelajaran terutamanya Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, dan Bahasa Melayu. Seterusnya, kenyataan yang dikemukakan oleh Zalizan Mohd. Jelas *et al.* (2005) ini ternyata boleh disokong menerusi kenyataan yang pernah dikemukakan oleh Poh Bee Theen & Melissa Ng Lee Yen Abdullah (2008). Menurut Poh Bee Theen & Melissa Ng Lee Yen Abdullah (2008), hubungan antara perbezaan jantina dengan pencapaian sememangnya sentiasa mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji lepas. Mereka memberi contoh menerusi kajian lepas yang pernah dilakukan oleh David & Weiner yang mendapati bahawa murid-murid dan para pelajar perempuan yang berusia tujuh, 11, dan 14 tahun memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris berbanding murid-murid dan para pelajar lelaki dalam lingkungan umur yang sama. Dapatan kajian yang sama juga turut diperoleh oleh Junaini Kasdan (2011) yang mendapati bahawa sememangnya terdapat perbezaan dari segi tahap penguasaan bahasa Melayu antara para pelajar lelaki dengan para pelajar perempuan yang terlibat sebagai responden kajian dalam kajian yang dilakukan oleh beliau sendiri.

Hakikatnya, dapatan kajian daripada kajian lepas yang dilakukan oleh Zalizan Mohd. Jelas *et al.* (2005) yang bertajuk *Prestasi Akademik Mengikut Gender*, kajian lepas yang dilakukan oleh Poh Bee Theen & Melissa Ng Lee Yen Abdullah (2005) yang bertajuk *Kesan Faktor Jantina, Etnik dan Gaya Kognitif ke atas Pencapaian Pengajian Am*, dan kajian lepas yang dilakukan oleh Junaini Kasdan (2011) yang bertajuk *Sikap, Persepsi dan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Sosiokognitif* masing-masing memperoleh dapatan kajian yang sama, iaitu sememangnya terdapat perbezaan prestasi atau pencapaian antara pelajar perempuan dengan para pelajar lelaki. Oleh sebab itulah, pengkaji juga turut berminat untuk memfokuskan usaha untuk mengkaji kesan faktor jantina terhadap tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik), tahap kecekapan tatabahasa, dan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan pelajar tingkatan enam yang terlibat sebagai responden kajian dalam kajian ini.

Perbandingan Tahap Pengetahuan Bahasa Melayu (Kecekapan Tatabahasa dan Kecekapan Pragmatik) Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Jantina

Untuk mendapatkan perbezaan tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) dalam kalangan pelajar tingkatan enam berdasarkan faktor jantina, satu hipotesis kajian sudah pun dibina dan pada masa yang sama sudah pun diuji. Oleh itu, keputusan ujian-t yang sudah pun diperoleh adalah seperti yang berikut:

Jadual 4 Keputusan ujian-t						
	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Lelaki	43	27.105	12.0518	94	-1.998	.049
Perempuan	53	32.226	12.8380			

* Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 4 seperti yang dipaparkan di atas ini, keputusan ujian-t yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa min skor pengetahuan bahasa Melayu para pelajar lelaki ialah 27.105, manakala min skor pengetahuan bahasa Melayu para pelajar perempuan pula ialah 32.226 dengan $t(94) = -1.998$, $p < .05$. Apa yang pasti, oleh sebab keputusan ujian-t ini yang jelas menunjukkan bahawa nilai signifikan yang dicerap ternyata kurang daripada .05 ($p = .049 < .05$), maka hipotesis nol pun terpaksa ditolak. Sehubungan dengan itu, keadaan ini membawa maksud bahawa terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor pengetahuan bahasa Melayu para pelajar lelaki dengan skor pengetahuan bahasa Melayu para pelajar perempuan. Di samping itu, didapati juga bahawa min skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan

pragmatik) para pelajar perempuan (32.2 peratus) adalah lebih baik daripada min skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar lelaki (27.1 peratus).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian seperti yang terkandung di dalam Jadual 5 di atas ini sebenarnya diperoleh disebabkan oleh tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar lelaki dan tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar perempuan yang berasaskan aspek golongan kata kerja ini dianalisis secara sekali gus. Sebaliknya, sekiranya tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar lelaki dan para pelajar perempuan yang berasaskan aspek golongan kata kerja ini dianalisis secara terpisah, maka pengkaji menjangkakan bahawa dapatan kajian yang agak berbeza berkemungkinan besar akan diperoleh.

Perbandingan Tahap Kecekapan Tatabahasa Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Jantina

Untuk mendapatkan perbezaan tahap kecekapan tatabahasa dalam kalangan pelajar tingkatan enam berdasarkan faktor jantina, satu hipotesis kajian sudah pun dibina dan pada masa yang sama sudah pun diuji. Oleh itu, keputusan ujian-t yang sudah pun diperoleh adalah seperti yang berikut:

Jadual 5 Keputusan ujian-t						
	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Lelaki	43	42.209	19.0595	94	-1.201	.233
Perempuan	53	46.943	19.3315			

* Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 5 seperti yang dipaparkan di atas ini, keputusan ujian-t yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa min skor kecekapan tatabahasa para pelajar lelaki ialah 42.209, manakala min skor kecekapan tatabahasa para pelajar perempuan pula ialah 46.943 dengan $t(94) = -1.201$, $p > .05$. Apa yang pasti, oleh sebab keputusan ujian-t ini yang jelas menunjukkan bahawa nilai signifikan yang dicerap ternyata lebih daripada .05 ($p = .233 > .05$), maka hipotesis nol pun boleh diterima. Sehubungan dengan itu, keadaan ini membawa maksud bahawa tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor kecekapan tatabahasa para pelajar lelaki dengan skor kecekapan tatabahasa para pelajar perempuan. Di samping itu, didapati juga bahawa min skor kecekapan tatabahasa para pelajar perempuan (46.9 peratus) adalah lebih baik daripada min skor kecekapan tatabahasa para pelajar lelaki (42.2 peratus).

Perbandingan Tahap Kecekapan Pragmatik Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Jantina

Untuk mendapatkan perbezaan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan pelajar tingkatan enam berdasarkan faktor jantina, satu hipotesis kajian sudah pun dibina dan pada masa yang sama sudah pun diuji. Oleh itu, keputusan ujian-t yang sudah pun diperoleh adalah seperti yang berikut:

Jadual 6 Keputusan ujian-t

	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Lelaki	43	12.000	13.3809	94	-1.855	.067
Perempuan	53	17.509	15.2966			

* Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 6 seperti yang dipaparkan di atas ini, keputusan ujian-t yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa min skor kecekapan pragmatik para pelajar lelaki ialah 12.000, manakala min skor kecekapan pragmatik para pelajar perempuan pula ialah 17.509 dengan $t(94) = -1.855$, $p > .05$. Apa yang pasti, oleh sebab keputusan ujian-t ini yang jelas menunjukkan bahawa nilai signifikan yang dicerap ternyata lebih daripada .05 ($p = .067 > .05$), maka hipotesis nol pun boleh diterima. Sehubungan dengan itu, keadaan ini membawa maksud bahawa tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor kecekapan pragmatik para pelajar lelaki dengan skor kecekapan pragmatik para pelajar perempuan. Di samping itu, didapati juga bahawa min skor kecekapan pragmatik para pelajar perempuan (17.5 peratus) adalah lebih baik daripada min skor kecekapan pragmatik para pelajar lelaki (12.0 peratus).

Rumusan Pengaruh Faktor Jantina

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan di sini bahawa sememangnya terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar lelaki dengan tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar perempuan yang berasaskan aspek golongan kata kerja. Apa yang pasti, dapatan kajian ini ternyata sejajar dengan dapatan kajian daripada kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh Zalizan Mohd. Jelas *et al.* (2005), Poh Bee Theen & Melissa Ng Lee Yen Abdullah (2008), dan Junaini Kasdan (2011). Hakikatnya, penganalisisan yang lebih mendalam pula jelas menunjukkan bahawa walaupun tahap kecekapan tatabahasa dan tahap kecekapan pragmatik juga turut menunjukkan adanya perbezaan antara para pelajar lelaki dengan para pelajar perempuan tetapi sebaliknya, ujian-t telah membuktikan kedua-dua perbezaan tersebut sebagai tidak signifikan. Dengan keputusan tersebut, dapat juga disimpulkan bahawa secara keseluruhannya, mutu penguasaan bahasa Melayu para pelajar perempuan adalah lebih baik berbanding mutu penguasaan bahasa Melayu para pelajar lelaki.

Perbandingan Tahap Pengetahuan Bahasa Melayu (Kecekapan Tatabahasa dan Kecekapan Pragmatik), Tahap Kecekapan Tatabahasa, dan Tahap Kecekapan Pragmatik Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Bangsa

Apa yang pasti, selain daripada faktor lokasi sekolah dan faktor jantina, didapati bahawa faktor bangsa juga boleh dijadikan sebagai pemboleh ubah kajian atau lebih spesifik lagi, iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini memandangkannya telah terbukti mampu mempengaruhi tahap pencapaian para pelajar sekolah. Menurut Poh Bee Theen & Melissa Ng Lee Yen Abdullah (2008), selain daripada faktor jantina, bangsa juga merupakan satu lagi faktor demografi yang sering mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji lepas. Menerusi kajian yang dilakukan oleh mereka sendiri yang mengukur tahap pencapaian dalam mata pelajaran Pengajian Am dalam kalangan pelajar Melayu, Cina, dan India, mereka juga turut mendapati bahawa sememangnya terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian mengikut bangsa. Akan tetapi, mereka mendapati bahawa perbezaan yang signifikan hanya wujud antara para pelajar Melayu dengan para pelajar Cina. Dapatan kajian daripada kajian lepas yang dilakukan oleh Poh Bee Theen & Melissa Ng Lee Yen Abdullah (2008) ternyata sejajar dengan dapatan kajian daripada kajian lepas yang dilakukan oleh Zulkifley Hamid (2014) walaupun masing-masing mengukur tahap pencapaian para pelajar menerusi dua mata

pelajaran yang berbeza. Dapatan kajian daripada kajian lepas yang dilakukan oleh Zulkifley Hamid (2014) menunjukkan bahawa sememangnya terdapat perbezaan tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu yang signifikan antara para pelajar Melayu dengan para pelajar Cina. Oleh sebab itulah, pengkaji juga turut berminat untuk memfokuskan usaha untuk mengkaji kesan faktor bangsa terhadap tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik), tahap kecekapan tatabahasa, dan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan pelajar tingkatan enam yang terlibat sebagai responden kajian dalam kajian ini.

Perbandingan Tahap Pengetahuan Bahasa Melayu (Kecekapan Tatabahasa dan Kecekapan Pragmatik) Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Bangsa

Untuk mendapatkan perbezaan tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) dalam kalangan pelajar tingkatan enam berdasarkan faktor bangsa, satu hipotesis kajian sudah pun dibina dan pada masa yang sama sudah pun diuji. Oleh itu, keputusan ujian-t yang sudah pun diperoleh adalah seperti yang berikut:

Jadual 7 Keputusan ujian-t						
	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Melayu	56	32.455	13.3958	94	2.360	.020
Bukan Melayu	40	26.400	10.8227			

* Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 7 seperti yang dipaparkan di atas ini, keputusan ujian-t jelas menunjukkan bahawa min skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar Melayu ialah 32.455, manakala min skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar bukan Melayu pula ialah 26.400 dengan $t(94) = 2.360$, $p < .05$. Apa yang pasti, oleh sebab keputusan ujian-t ini yang jelas menunjukkan bahawa nilai signifikan yang dicerap ternyata kurang daripada .05 ($p = .020 < .05$), maka hipotesis nol pun terpaksa ditolak. Sehubungan dengan itu, keadaan ini membawa maksud bahawa terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor pengetahuan bahasa Melayu para pelajar Melayu dengan skor pengetahuan bahasa Melayu para pelajar bukan Melayu. Di samping itu, didapati juga bahawa min skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar Melayu (32.5 peratus) adalah lebih baik daripada min skor pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar bukan Melayu (26.4 peratus).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian seperti yang terkandung di dalam Jadual 8 di atas ini sebenarnya diperoleh disebabkan oleh tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar Melayu dan tahap pengetahuan bahasa Melayu (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar bukan Melayu yang berasaskan aspek golongan kata kerja ini dianalisis secara sekali gus. Sebaliknya, sekiranya tahap pengetahuan bahasa (kecekapan tatabahasa dan kecekapan pragmatik) para pelajar Melayu dan para pelajar bukan Melayu yang berasaskan aspek golongan kata kerja ini dianalisis secara terpisah, maka pengkaji menjangkakan bahawa dapatan kajian yang agak berbeza berkemungkinan besar akan diperoleh.

Perbandingan Tahap Kecekapan Tatabahasa Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Bangsa

Untuk mendapatkan perbezaan tahap kecekapan tatabahasa dalam kalangan pelajar tingkatan enam berdasarkan faktor bangsa, satu hipotesis kajian sudah pun dibina dan pada masa yang sama sudah pun diuji. Oleh itu, keputusan ujian-t yang sudah pun diperoleh adalah seperti yang berikut:

Jadual 8 Keputusan ujian-t						
	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Melayu	56	41.982	18.5556	94	-1.728	.087
Bukan Melayu	40	48.800	19.7422			

* Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 8 seperti yang dipaparkan di atas ini, keputusan ujian-t jelas menunjukkan bahawa min skor kecekapan tatabahasa para pelajar Melayu ialah 41.982, manakala min skor kecekapan tatabahasa para pelajar bukan Melayu pula ialah 48.800 dengan $t(94) = -1.728$, $p > .05$. Apa yang pasti, oleh sebab keputusan ujian-t ini yang jelas menunjukkan bahawa nilai signifikan yang dicerap ternyata lebih daripada .05 ($p = .087 > .05$), maka hipotesis nol pun boleh diterima. Sehubungan dengan itu, keadaan ini membawa maksud bahawa tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor kecekapan tatabahasa para pelajar Melayu dengan skor kecekapan tatabahasa para pelajar bukan Melayu. Di samping itu, didapati juga bahawa min skor kecekapan tatabahasa para pelajar bukan Melayu (48.8 peratus) adalah lebih baik daripada min skor kecekapan tatabahasa para pelajar Melayu (42.0 peratus).

Perbandingan Tahap Kecekapan Pragmatik Para Pelajar Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Bangsa

Untuk mendapatkan perbezaan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan pelajar tingkatan enam berdasarkan faktor bangsa, satu hipotesis kajian sudah pun dibina dan pada masa yang sama sudah pun diuji. Oleh itu, keputusan ujian-t yang sudah pun diperoleh adalah seperti yang berikut:

Jadual 9 Keputusan ujian-t						
	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Melayu	56	22.929	13.3319	90.255	8.797	.000
Bukan Melayu	40	4.000	7.6326			

* Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 9 seperti yang dipaparkan di atas ini, keputusan ujian-t jelas menunjukkan bahawa min skor kecekapan pragmatik para pelajar Melayu ialah 22.929, manakala min skor kecekapan pragmatik para pelajar bukan Melayu pula ialah 4.000 dengan $t(91) = 8.797$, $p < .05$. Apa yang pasti, oleh sebab keputusan ujian-t ini yang jelas menunjukkan bahawa nilai signifikan yang dicerap ternyata kurang daripada .05 ($p = .000 < .05$), maka hipotesis nol pun terpaksa ditolak. Sehubungan dengan itu, keadaan ini membawa maksud bahawa terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan apabila dibandingkan skor kecekapan pragmatik para pelajar Melayu dengan skor

kecekapan pragmatik para pelajar bukan Melayu. Di samping itu, didapati juga bahawa min skor kecekapan pragmatik para pelajar Melayu (22.9 peratus) adalah lebih baik daripada min skor kecekapan pragmatik para pelajar bukan Melayu (4.0 peratus).

Rumusan Pengaruh Faktor Bangsa

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan di sini bahawa sememangnya terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan bahasa Melayu para pelajar Melayu dengan tahap pengetahuan bahasa Melayu para pelajar bukan Melayu yang berasaskan aspek golongan kata kerja. Apa yang pasti, dapatan kajian ini ternyata sejajar dengan dapatan kajian daripada kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh Poh Bee Theen & Melissa Ng Lee Yen Abdullah (2008) dan Zulkifley Hamid (2014). Seterusnya, penganalisisan yang lebih mendalam pula jelas menunjukkan bahawa perbezaan tersebut disebabkan oleh perbezaan dari aspek tahap kecekapan pragmatik. Pada masa yang sama, walaupun tahap kecekapan tatabahasa juga turut menunjukkan adanya perbezaan antara para pelajar Melayu dengan para pelajar bukan Melayu, namun ujian-t membuktikan perbezaan tersebut sebagai tidak signifikan. Dengan keputusan tersebut, dapat juga disimpulkan bahawa mutu penguasaan bahasa Melayu para pelajar Melayu lebih baik daripada mutu penguasaan bahasa Melayu para pelajar bukan Melayu hanyalah pada kecekapan pragmatik.

Korelasi antara Tahap Kecekapan Tatabahasa dengan Tahap Kecekapan Pragmatik Para Pelajar Tingkatan Enam

Selain daripada memfokuskan usaha untuk mencari perbezaan antara pemboleh-pemboleh ubah tidak bersandar (kajian perbandingan punca), kajian ini sebenarnya mempunyai matlamat utama untuk melihat korelasi (kajian korelasi) antara pemboleh-pemboleh ubah bersandar. Pemboleh-pemboleh ubah bersandar yang dimaksudkan terdiri daripada tahap kecekapan tatabahasa dan tahap kecekapan pragmatik. Sehubungan dengan itu, untuk melihat korelasi antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan pelajar tingkatan enam, satu hipotesis kajian sudah pun dibina dan pada masa yang sama sudah pun diuji. Oleh itu, keputusan ujian korelasi Pearson yang sudah pun diperoleh adalah seperti yang berikut:

Jadual 10 Keputusan ujian korelasi Pearson

			Skor Kecekapan Tatabahasa	Skor Kecekapan Pragmatik
Skor	Kecekapan	Korelasi Pearson	1	.103
Tatabahasa		Sig. (2-tailed)		.316*
		N	96	96

* Signifikan pada aras keertian .05

Hasil daripada ujian korelasi Pearson yang telah dilakukan jelas menunjukkan bahawa nilai pekali Pearson, iaitu r ialah .103. Hal ini bermakna korelasi antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik yang berasaskan aspek golongan kata kerja dalam kalangan pelajar tingkatan enam adalah sangat lemah. Pada dasarnya, penentuan korelasi antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik dalam kalangan pelajar tingkatan enam dibuat berdasarkan Jadual 11 di bawah ini.

Jadual 11 Garis panduan Guilford

r	Kekuatan Hubungan
< 0.20	Sangat lemah.
0.20 - 0.40	Lemah, rendah, dan jelas tetapi hubungan yang sedikit.
0.40 - 0.70	Sederhana, hubungan yang kuat.
0.70 - 0.90	Tinggi, kuat, hubungan yang ketara.
> 0.90	Sangat tinggi, hubungan yang dapat dipercayai.

Sumber: Azizi Yahaya *et al.* 2007

Seterusnya, oleh sebab nilai $p = .316 > 0.05$, maka hipotesis nol pun diterima. Hal ini bermakna tidak terdapat korelasi yang signifikan antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik yang berasaskan aspek golongan kata kerja dalam kalangan pelajar tingkatan enam.

Rumusan Korelasi antara Tahap Kecekapan Tatabahasa dengan Tahap Kecekapan Pragmatik Para Pelajar Tingkatan Enam

Berdasarkan proses penganalisan data kajian yang sudah pun dilakukan, dapatlah dirumuskan di sini bahawa tahap kecekapan tatabahasa bukanlah peramal yang baik kepada tahap kecekapan pragmatik dan begitulah juga sebaliknya. Hal ini bermakna peningkatan tahap kecekapan tatabahasa yang berkaitan dengan aspek golongan kata kerja secara signifikannya tidak akan menyebabkan berlakunya peningkatan tahap kecekapan pragmatik yang juga berkaitan dengan aspek golongan kata kerja dalam kalangan pelajar tingkatan enam.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil daripada analisis korelasi antara tahap kecekapan tatabahasa dengan tahap kecekapan pragmatik yang berasaskan aspek golongan kata kerja dalam kalangan pelajar tingkatan enam ini jelas menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah bersandar tersebut tidak mempunyai hubungan yang signifikan. Hal ini bermakna peningkatan tahap kecekapan tatabahasa yang berasaskan aspek golongan kata kerja tidak menyebabkan atau mempengaruhi peningkatan tahap kecekapan pragmatik yang juga berasaskan aspek golongan kata kerja dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Hakikatnya, punca utama yang telah mewujudkan hubungan yang lemah antara tahap kecekapan tatabahasa dan tahap kecekapan pragmatik yang berasaskan aspek golongan kata kerja dalam kalangan pelajar tingkatan enam ini disebabkan oleh aspek golongan kata kerja dalam *Tatabahasa Dewan* sejak peringkat awal penerbitannya hanya diuraikan secara semantik semata-mata sedangkan dalam keadaan atau situasi yang tertentu huraian tentang aspek golongan kata kerja sememangnya mesti atau wajib dikaitkan juga dengan komponen pragmatik. Hal ini boleh dilihat menerusi contoh-contoh binaan ayat seperti *Emak sedang berkhutbah di dapur* dan *Nur masih menjeruk rasa dengan sindiran ibu mentuanya* yang terbukti gagal dianalisis secara semantik semata-mata tetapi sememangnya memerlukan campur tangan ilmu pragmatik dalam usaha untuk menginterpretasikannya. Hakikatnya, walaupun dari segi semantik, kedua-dua kata kerja yang terkandung dalam kedua-dua contoh binaan ayat tersebut ternyata sudah pun menyimpang jauh, namun dari segi sintaksis, kedua-dua contoh binaan ayat tersebut ternyata masih tetap gramatis. Apa yang pasti, keadaan ini ternyata jelas menunjukkan bahawa huraian tentang aspek golongan kata kerja seperti yang dikemukakan dalam *Tatabahasa Dewan* sememangnya masih belum mapan atau mantap sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, bermula pada saat ini, sudah tiba masanya untuk komponen bukan linguistik, iaitu pragmatik turut diajarkan dan didedahkan secara formal menerusi *Tatabahasa Dewan* sama seperti komponen-komponen linguistik yang selama ini dijadikan sebagai fokus utama, iaitu morfologi, sintaksis, dan semantik.

Rujukan

- Andreas Langlotz. (2006). *Idiomatic Creativity: A Cognitive-Linguistic Model of Idiom- Representation and Idiom-Variation in English*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamin Publishing Company.
- Andreas Wagner & Mattia Mastropietro. (1996). Collecting and Employing Selectional Restrictions. Dicapai pada April, 9, 2017, daripada <https://pdfs.semanticscholar.org/635a/2d1878fc4f5aa57cf6bbc10aae7bd4a0ddeb.pdf>.
- Awang Mohamad Amin. (1990). *Satu Kajian Khusus Penguasaan Bahasa Malaysia Peringkat Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Fillmore, J. C., Kay, P., & Catherine O' Connor, M. (1988). Regularity and Idiomaticity in Grammatical Constructions: The Case of Let Alone. *Language* 64(3), 501-538.
- Fraser, B. (1970). Idioms within Transformational Grammar. *Foundations of Language* 6(1), 22-42.
- Goay Teck Chong & Choo Say Tee. (2003). *Teks Pra-U: Bahasa Melayu Kertas 1*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Hairunnaja Najmuddin. (2007). *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Junaini Kasdan. (2011). Sikap, Persepsi dan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Sosiokognitif. *Ph.D Dissertation*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2009). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood, Muhammed Salehudin Aman, & Abdul Ghalib Yunus. (2015). *Tatabahasa Dewan: Golongan Kata*. Edisi Sekolah Rendah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, & Idris Aman. (2004). Penguasaan Bahasa Melayu oleh Pelajar Melayu dalam Arus Globalisasi. *Jurnal Bahasa*, 4(1), 63-95.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Julaina Nopiah. (2011). Penguasaan Tatabahasa Remaja Malaysia: Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 11, 63-82.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod, & Nor Azwa Hanum Nor Shaid. (2016). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 1-9.
- O'Grady, William. (1998). The Syntax of Idioms. Dlm. *Natural Language and Linguistic Theory* 16: 279-312.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis, Penyelidikan, & Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Poh, Bee Theen & Ng, Melissa Lee Yen Abdullah. (2008). Kesan Faktor Jantina, Etnik dan Gaya Kognitif ke atas Pencapaian Pengajian Am. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 23, 123-140.
- oehn, Jan-Philipp. (2005). Selectional restrictions in HSPG: I'll eat my hat! Dlm. Stefan Müller (pnyt). *Proceedings of the 12th International Conference on Head-Driven Phrase Structure Grammar, Department of Informatics, University of Lisbon*, 343-353.
- William Croft & D. Alan Cruse. (2004). *Cognitive Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Zulkifley Hamid. (2014). Faktor Persekitaran Sekolah dan Etnik dalam Perancangan dan Pelaksanaan Program Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 99-109.
- Zaliza Mohamad Nasir, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normahdiah Sheikh Said, & Norizan Che Su. (2013). Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 17(2), 84-90.
- Zalizan Mohd. Jelas, Saemah Rahman, Roselan Baki, & Jamil Ahmad. (2005). Prestasi Akademik Mengikut Gender. *Jurnal Pendidikan*, 30, 93-111.

Biodata Penulis:

Khairul Taufiq Abu Bakar adalah calon pelajar Phd. Kini sedang menyiapkan tesisnya yang berkaitan 'Korelasi antara Kecekapan Tatabahasa dengan Kecekapan Pragmatik dalam Kalangan Remaja Malaysia'. Tesis MA Khairul juga berkaitan dengan tatabahasa dan pragmatik.

Nor Hashimah Jalaluddin (PhD) adalah profesor di Program Linguistik UKM. Beliau banyak mengkaji semantik, pragmatik dan kini giat menjalankan kajian geolinguistik dan akal budi Melayu. Beliau banyak menulis buku ilmiah dan artikel jurnal berimpak berdasarkan penyelidikan.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan adalah Profesor Madya di Program Linguistik UKM. Beliau mengkhusus dalam bidang sintaksis. Beliau juga banyak mengkaji mensyarakat orang asli seperti Negrito, Kensiou dan Bateq.

LAMPIRAN 1



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

BORANG SOAL SELIDIK

TAJUK KAJIAN:
KORELASI ANTARA KECEKAPAN TATABAHASA DENGAN
KECEKAPAN PRAGMATIK BERASASKAN GOLONGAN KATA KERJA
DALAM KALANGAN REMAJA MALAYSIA

MAKLUMAT DAN PANDUAN UNTUK RESPONDEN KAJIAN

1. Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Anda dikehendaki untuk melengkapkan **Bahagian A**.
3. Anda dikehendaki untuk menjawab semua soalan di dalam **Bahagian B**.
4. Setiap soalan di dalam **Bahagian B** mempunyai subsoalan-subsoalan yang sama yang dibahagikan kepada subsoalan **(a)**, **(b)**, **(c)**, dan **(d)**.
5. Setiap subsoalan **(a)**, **(b)**, **(c)**, dan **(d)** perlu dijawab berdasarkan setiap ayat rangsangan yang dikemukakan.
6. Penjelasan lanjut dan panduan yang berikut ini hanya dikhususkan kepada subsoalan **(d)**. Subsoalan **(d)** merupakan subsoalan yang menghendaki anda untuk menulis satu ayat. Oleh itu, semasa menjawab subsoalan **(d)**, anda juga dikehendaki untuk memastikan bahawa kata kerja yang digunakan:
 - (a) tidak ditambah dengan sebarang imbuhan.
 - (b) tidak ditambah dengan kata ganti nama orang ketiga *-nya*.
 - (c) tidak ditambah dengan kata pascakata *-nya*.
 - (d) tidak ditambah dengan bentuk klitik seperti *ku-*, *-ku*, dan *-mu*.
 - (e) tidak dijadikan sebagai peribahasa atau kata nama khas.
7. Masa yang diperuntukkan ialah dua jam.

BAHAGIAN A
DEMOGRAFI

1. Nama Responden : _____
2. Nama Sekolah : _____
3. Umur : _____



4. Jantina : () Lelaki
☐ Perempuan
5. Bangsa : ☐ Melayu
☐ Cina
☐ India
☐ Lain-lain, Sila Nyatakan: _____
6. Bahasa Ibunda : ☐ Bahasa Melayu
☐ Bahasa Mandarin
(☐ Bahasa Tamil
(☐ Lain-lain, Sila Nyatakan: _____
7. Bahasa Pertuturan Utama di Rumah : () ☐ Melayu
☐ Bahasa Mandarin
(☐ Bahasa Tamil
☐ Lain-lain, Sila Nyatakan: _____
8. Tahap Pendidikan Ibu : Ti ☐ ersekolah
(☐ ekolah Rendah
(☐ ekolah Menengah
☐ Kolej
Ma ☐
Un ☐ i
9. Tahap Pendidikan Bapa : Ti ☐ ersekolah
(☐ ekolah Rendah
(☐ ekolah Menengah
☐ Kolej
Ma ☐
Un ☐ i
10. Pekerjaan Ibu (Sila Nyatakan) : _____
11. Pekerjaan Bapa (Sila Nyatakan) : _____
12. Pencapaian Keputusan bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu:
 UPSR (Pemahaman) A B C D E
 UPSR (Penulisan) A B C D E
 PMR A B C D E
 SPM A+ A A- B+ B C+ C D E G

BAHAGIAN B
UJIAN KECEKAPAN TATABAHASA DAN KECEKAPAN PRAGMATIK

Khatib sedang berkhotbah di atas mimbar masjid dengan suaranya yang begitu lantang.

1. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

- (b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

- (c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

- (d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Pokok ubi kayu bergetah pada bahagian batang daunnya.

2. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

- (b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

- (c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

- (d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Najwan sedang hangat bercinta dengan kekasih baharunya Anisah.

3. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Beberapa biji kacang hijau sudah mulai bercambah di dalam bekas minuman itu.
--

4. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Beberapa ekor kerbau sedang berkubang di dalam lumpur di tengah-tengah bendang.

5. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Hidung murid itu masih berhingus sejak kelmarin.

6. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Paku-paku itu sudah mulai berkarat kerana sudah lama terbiar.

7. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Kedua-dua pelajar perempuan itu sedang berbisik antara satu sama lain.

8. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Erra Fazira akan berlakon sebagai heroin dalam filem terbaharu arahan Syamsul Yusof.
--

9. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Periuk nasi itu masih berkerak di dalamnya.

10. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Ular sawa tidak berbisa seperti ular tedung selar.

11. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Titisan air mata Fatimah bersinar di pipinya yang mulus itu.

12. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Tangkai bunga mawar berduri-duri sebagai perlindungan daripada haiwan

pemangsa.

13. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Ucapan alu-aluan pengetua sekolah itu bermuka-muka panjangnya.

14. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Kanak-kanak kecil itu sedang bertatih-tatih di ruang tamu di dalam rumahnya.

15. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Emak ingin menjeruk petai pada malam ini.

16. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Petani itu sedang menabur biji benih kacang panjang di atas batas-batas di kebun sayurnya.

17. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Mariam tidak dapat membasuh pakaian lantaran masalah gangguan bekalan air.

18. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Lembu-lembu Pak Ismail sedang meragut rumput di padang.

19. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Semua pelajar mesti mengambil peperiksaan akhir bagi semester ini pada pertengahan bulan Jun nanti.

20. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Pak Ali sedang mencedok air di perigi.

21. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Siti Nurhaliza memotong pulut kuning pada majlis sambutan ulang tahun kelahirannya yang ke-37 di Hotel Istana, Kuala Lumpur malam tadi.

22. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Kanak-kanak kecil itu sedang asyik menongkat dagu kerana kebosanan.

23. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Ayah mencurahkan air ke longkang.

24. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

Fikri tidak pernah membawa wang saku ke sekolah lantaran kemiskinan keluarganya.

25. (a) Apakah subjek dan predikat ayat di atas?

(b) Namakan jenis kata kerja dalam ayat di atas.

(c) Catatkan frasa keterangan yang terdapat dalam ayat di atas.

(d) Tulis satu ayat yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan menggunakan kata kerja yang sama seperti yang terdapat dalam ayat di atas.

- KERTAS SOALAN TAMAT -

- TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA YANG DIBERI -

- SELAMAT MAJU JAYA -